

KOLOKIUUM SISWAZAH KITA

ABSTRAK DERAFA AKHIR
SARJANA DAN DOKTOR FALSAFAH
(PENGAJIAN ETNIK)

2 SEPTEMBER 2026 (RABU)
10.10 PAGI - 4.00 PETANG
BILIK MESYUARAT KITA, ARAS 4,
KOLEJ KERIS MAS, UKM
APLIKASI ZOOM:
[HTTPS://SHORTURL.AT/OOWOK](https://shorturl.at/oowok)



Nama: Idrak Olli (P122657)
Program: Sarjana Pengajian Etnik
Penyelia Utama: Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin
Penyelia Bersama: Prof. Dr. Kartini Abou Talib & Dr. Christopher M.
Tajuk: Joll The Attitudes of Malay Young People in
Narathiwat towards Sufi Orders (Ar. Tariqa)

In much of Thailand's Malay far south, I was told that tariqa belonged to an older generation and that young men now leaned toward newer religious movements. This thesis examines that claim through an ethnography of the Ahmadiyyah Idrisiyyah tariqa led by Babo Ud, a rural mursyid in Chanae District, Narathiwat. My main research question asks how young Malay-Muslim men in everyday rural Narathiwat understand and express their attitudes toward this tariqa. Three sub-questions follow: how these young men participate in, interpret, follow, doubt, or negotiate their position toward this tariqa; how they recognize and respond to the authority of the mursyid as a babo; and how family ties, local religious culture, and the wider Sufi world of the south shape these relationships. The study rests on slow, long-term ethnographic fieldwork conducted between 2022 and 2026 in the village of Lu Bo and the neighboring settlement of Dusun Nyo, carried out in the Patani Malay dialect through participant observation and ethnographic interviews. I develop a three-layer reading of these relationships through proximity, recognition, and positioning, and I present a typology of five attitudes among young men, ranging from committed participants to reformist critics. I show that recognition of Babo Ud's authority is relational before it is doctrinal; that this majelis waits to be approached and draws its strength from family and village relationships; and that a single household can carry Sufi, pondok, and reformist-styled commitments under one roof. I also document signs of regeneration within this majelis and its transnational ties into Malaysia and Brunei. This study shifts attention from conflict and security studies toward the everyday religious life of rural Narathiwat, revises existing accounts of how tariqa communities gain young murid, and questions the assumption that this local religious field divides into opposed Sufi and reformist camps.

Nama: Sun Jing (P113983)
Program: Doktor Falsafah (Pengajian Etnik)
Penyelia Utama: Prof. Dr. Kartini Aboo Talib
Penyelia Bersama: Dr. Chan Suet Kay (Rachel)
Tajuk: Bridging Tradition and Development for Tourism in the Li Ethnic Group of Hainan

This study examines the intersection of tradition and high-quality tourism development within the Li ethnic group of Hainan, using Social Exchange Theory and Sustainable Tourism Development Theory as its theoretical framework. It investigates key elements of the tourism system, including how traditional culture influences the development and perception of high-quality tourism, as well as the cultural factors shaping its implementation. Employing a mixed-method research design, the study includes surveys and interviews with purposively selected participants from the Li ethnic group involved in the tourism industry for more than five years. Quantitative data were analysed using descriptive statistics, ANOVA, and regression, while qualitative data were analysed thematically. The findings revealed that traditional culture significantly influences both tourism development and the perception of high-quality tourism, indicating its critical role in shaping tourism outcomes. Similarly, cultural preservation was found to significantly contribute to heritage tourism, highlighting the importance of maintaining cultural identity in sustaining tourism value. Effective strategies were identified as significant predictors that further enhance heritage tourism. Overall, the results confirmed that all proposed relationships were statistically significant. Therefore, the second null hypothesis (Ho2) and third null hypothesis (Ho3) were rejected. Five key opportunity themes emerged inductively from the data: living cultural inheritance, community-based value creation, policy and institutional support, cultural product innovation, and educational and youth revitalisation. In terms of the challenges arising from integrating Li sub-ethnic cultural heritage into tourism development, five key opportunity themes emerged namely cultural authenticity loss, weak community agency, over-commercialisation, talent and capacity gaps, and structural and regional constraints. These findings suggest that strengthening traditional cultural elements, preserving cultural heritage, and implementing effective tourism strategies are essential in promoting sustainable and high-quality tourism development among the Li ethnic group.

Nama: Mohd Shafiq Fhadly Mahmud (P112027)
Program: Doktor Falsafah (Pengajian Etnik)
Penyelia Utama: Prof. Madya Dr. Ahmad Rizal Mohd. Yusof
Penyelia Bersama: Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin
Tajuk: Pengaruh Komunikasi Digital Terhadap Pembentukan Persepsi Politik Dalam Kalangan Pengundi di Parlimen Larut.

Kajian ini meneroka dinamika komunikasi digital dalam konteks demografi serta lanskap sosio-politik Malaysia khusus di Parlimen Larut, Perak. Perkembangan pesat teknologi maklumat dan platform media sosial telah mengubah corak interaksi antara pemimpin politik dan rakyat, sekali gus mempengaruhi pembentukan persepsi awam serta partisipasi politik di peringkat akar umbi. Objektif utama penyelidikan ini adalah untuk menganalisis strategi komunikasi digital yang digunakan oleh aktor politik, menilai sejauh mana wacana media sosial mempengaruhi kesedaran dan sikap pengundi, serta mengenalpasti cabaran sosio-budaya tempatan yang membendung atau meluaskan capaian mesej politik di Parlimen Larut. Bagi mencapai objektif tersebut, kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk bukan eksperimen berbentuk tinjauan keratan rentas dalam mengukur tahap penggunaan komunikasi digital, mengenal pasti hubungan antara pemboleh ubah, menguji perbezaan berdasarkan demografi, dan menilai pengaruh beberapa dimensi komunikasi digital terhadap persepsi politik pengundi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa wacana politik digital di Larut amat dipengaruhi oleh isu-isu kebudayaan tempatan, ekonomi sara hidup, serta identiti komuniti. Mesej yang menggunakan naratif tempatan dan bahasa yang mudah difahami mencatatkan tahap keterlibatan (engagement) yang jauh lebih tinggi berbanding naratif politik nasional yang abstrak. Selain itu, kajian mendapati wujudnya jurang digital berasaskan faktor umur dan akses capaian di kawasan luar bandar Larut yang membentuk pola penerimaan maklumat yang unik. Kajian ini memberikan sumbangan penting kepada literatur komunikasi politik dan sains sosial di Malaysia dengan menawarkan kerangka pemahaman baharu mengenai bagaimana wacana digital direkayasa di kawasan semi-bandar dan luar bandar. Hasil penyelidikan ini dijangka dapat membantu pembuat dasar, penganalisis politik, dan pengamal komunikasi dalam merangka strategi penyampaian maklumat yang lebih inklusif dan berkesan.

Nama: Nur Anis Amalina Amir Hamzah (P126829)
Program: Doktor Falsafah (Pengajian Etnik)
Penyelia Utama: Prof. Madya Dr. Mohd Sobhi Ishak
Penyelia Bersama: Prof. Madya Dr. Azlina Abdullah
Tajuk: Pembinaan dan Pengujian Empirikal Kerangka Teori Perpaduan Malaysia dalam Konteks Masyarakat Majmuk

Perpaduan merupakan agenda penting dalam pembinaan negara Malaysia, namun asas teorinya masih memerlukan penjelasan yang lebih tersusun, kontekstual dan boleh diuji secara empirikal. Kajian ini dijalankan bagi membina dan menguji Kerangka Teori Perpaduan Malaysia dalam konteks masyarakat majmuk. Kajian ini bertujuan mengenal pasti konsep utama, membina pernyataan teoretikal dan operasional, menjustifikasi susunan hubungan konstruk, menilai kesahan dan kebolehpercayaan konstruk serta menguji hubungan langsung, hubungan tidak langsung, kuasa penerangan dan keupayaan ramalan model terhadap Kesepaduan Sosial. Kajian ini menggunakan reka bentuk dua fasa. Fasa pertama melibatkan pembinaan kerangka teori melalui sorotan literatur, analisis dokumen, temu bual pakar, perbincangan kumpulan fokus, kesahan kandungan, Delphi dan Fuzzy Delphi. Fasa kedua melibatkan pengujian empirikal menggunakan dua siri data tinjauan yang masing-masing melibatkan 600 orang responden, dengan jumlah keseluruhan 1,200 responden. Data dianalisis menggunakan pendekatan PLS-SEM. Dapatan Fasa 1 menghasilkan lima konstruk utama, iaitu Tadbir Urus dan Pembangunan, Tahap Keetnikan, Hubungan Sosial Rentas Etnik, Etos Nasional dan Kesepaduan Sosial. Dapatan Fasa 2 menunjukkan bahawa konstruk kajian mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang memadai. Etos Nasional merupakan perama langsung paling kuat terhadap Kesepaduan Sosial, manakala Tadbir Urus dan Pembangunan menunjukkan kesan keseluruhan paling dominan. Nilai R^2 bagi Kesepaduan Sosial ialah 0.718 dalam Model 1 dan 0.724 dalam Model 2, menunjukkan keupayaan penerangan model yang tinggi. Dapatan juga menunjukkan bahawa Kesepaduan Sosial terbentuk melalui mekanisme berlapis yang menghubungkan struktur, identiti, interaksi dan nilai bersama. Kajian ini menyumbang kepada pembangunan teori sosial tempatan, metodologi pengujian model perpaduan dan pemahaman dasar tentang pengurusan perpaduan dalam masyarakat majmuk Malaysia.

Nama: Manuel Jung (P150212)
Program: Sarjana Pengajian Etnik
Penyelia Utama: Dr. Atika Shafinaz Nazri
Tajuk: Negotiating Identities of Rohingya Refugees in the Klang Valley, Malaysia

This thesis explores the identity negotiation practices of Rohingya refugees in the Klang Valley, Malaysia. While existing literature predominantly focuses on humanitarian issues and the political situation of the Rohingya in Myanmar, and displacement in Bangladesh and Malaysia, this research shifts the focus towards an emic perspective of the mechanics of identity negotiation in the context of Malaysia. The theoretical framework is laid by the Integrated Identity Negotiation Theory (IINT) and is complemented by a Critical Intercultural Communication paradigm. By drawing on ethnographic fieldwork conducted in several communities in the Klang Valley and interviews with 25 Rohingya individuals from diverse backgrounds, this study investigates how social group identities and personal identities have been shaped by factors such as language, religion, transit countries and migration routes as well as the Malaysian society around them. This research sheds light on the unique ways Rohingya, including second generation Rohingya, negotiate these different identity layers in Malaysia, uncovering both a diversified ethnic Rohingya identity as well as a hybridized Malaysian-Rohingya cultural identity. Additionally, this research found that Rohingya refugees must negotiate despite the stigmatized identities of being Rohingya and refugees in the Malaysian context, leading them to rely on other personal identities constructed premigration. This research contributes to the field of ethnic studies in Malaysia by deeper understanding the interaction between the Rohingya and the Malaysian host society, as well as to the understanding of complex interplay between displacement, cultural adaptation, and identity negotiation among refugee populations in the Global South.

Nama: Mohd Suhaibi Sulong (P108946)
Program: Doktor Falsafah (Pengajian Etnik)
Penyelia Utama: Prof. Madya Dr. Ahmad Rizal Mohd. Yusof
Penyelia Bersama: Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin
Tajuk: Ancaman Covid-19 Keatas Kesepaduan Masyarakat Dan Pematuhan Penguatkuasaan Keselamatan : Sebuah Kajian Di Daerah Subang Jaya

Perubahan landskap keselamatan kontemporari memperlihatkan bahawa ancaman terhadap negara dan masyarakat tidak lagi terbatas kepada konflik ketenteraan, sebaliknya turut merangkumi ancaman keselamatan bukan tradisional yang memberi kesan terhadap kesejahteraan manusia dan kestabilan sosial. Pandemik COVID-19 merupakan manifestasi ancaman tersebut yang bukan sahaja menjejaskan kesihatan awam, malah mempengaruhi hubungan sosial, kepercayaan terhadap institusi dan pematuhan masyarakat terhadap penguatkuasaan keselamatan. Kajian ini bertujuan menganalisis pengaruh ancaman COVID-19 sebagai ancaman keselamatan bukan tradisional terhadap proses pembentukan kesepaduan sosial dalam masyarakat majmuk di daerah Subang Jaya; menganalisis bagaimana proses kesepaduan sosial membentuk pematuhan masyarakat terhadap penguatkuasaan keselamatan; serta menghuraikan hubungan antara ancaman keselamatan bukan tradisional, kesepaduan sosial dan pematuhan berdasarkan Teori Kesepaduan Sosial sebagai asas kepada pembinaan Model Rundingan Kesepaduan Sosial dalam Menghadapi Ancaman Keselamatan Bukan Tradisional (MRKSA). Kajian menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Data diperoleh melalui analisis dokumen dan temu bual separa berstruktur melibatkan 10 informan yang dipilih melalui pensampelan bertujuan dan pensampelan rantaian, merangkumi perspektif institusi dan masyarakat. Data dianalisis secara tematik bagi mengenal pasti pola dan proses sosial yang membentuk fenomena kajian. Dapatan menghasilkan tiga konstruk empirikal yang saling berkait. Pertama, Kerentanan Sosial Berlapis menunjukkan bahawa pandemik sebagai tekanan luaran mencetuskan kerentanan ekonomi, sosial dan psikologi yang berbeza mengikut konteks komuniti. Kedua, Ekosistem Respons Bersepadu memperlihatkan bahawa kerentanan tersebut mendorong pembentukan mekanisme penyesuaian melalui penguatkuasaan berorientasikan komuniti, mobilisasi komuniti, kolaborasi rentas institusi dan pengukuhan kapasiti komuniti. Ketiga, Legitimasi Sosial terbentuk melalui pengalaman interaksi positif, kepercayaan, persepsi keadilan dan penerimaan sosial yang seterusnya menyokong pematuhan sukarela terhadap penguatkuasaan keselamatan. Sintesis ketiga-tiga konstruk menghasilkan Model Proses Empirikal (Empirical Process Model, EPM) yang menjelaskan transformasi sosial secara berurutan daripada kerentanan kepada respons bersepadu dan seterusnya legitimasi sosial. MRKSA berfungsi sebagai kerangka konseptual yang membimbing penyelidikan, manakala EPM merupakan penjelasan empirikal yang terhasil daripada dapatan kajian. Kajian ini memperluaskan aplikasi Teori Kesepaduan Sosial dalam konteks ancaman keselamatan bukan tradisional serta menunjukkan bahawa keberkesanan pengurusan krisis tidak hanya bergantung pada keupayaan penguatkuasaan institusi, tetapi turut ditentukan oleh keupayaan membina kerjasama, kepercayaan dan legitimasi sosial antara institusi dengan masyarakat.